

**CNN lapor penumpang guna pasport curi beli tiket bersama-sama
Malaysian Insider
9 Mac, 2014**

Dua individu yang menaiki pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 yang masih hilang menggunakan pasport Itali dan Austria dilihat membeli tiket mereka bersama-sama, lapor CNN hari ini.

Tiket berkenaan dibeli daripada China Southern Airlines menggunakan wang baht Thailand pada harga sama, menurut sistem pengesahan e-tiket China Travelsky.

Nombor tiket berkenaan berurutan, yang menunjukkan tiket itu dikeluarkan bersama. China Southern Airlines menjual tujuh tiket untuk pesawat perkongsian kod berkenaan, lapor media semalam.

Maklumat terbaru itu menimbulkan misteri terhadap nasib pesawat MH370 yang hilang awal semalam ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing.

Itali dan Austria berkata tiada rakyat mereka menaiki pesawat tersebut. Pegawai berkata kedua-dua pemilik pasport yang nama mereka tertera sebagai penumpang tidak menaiki pesawat berkenaan selepas pasport mereka dicuri di Thailand beberapa tahun lalu.

Dua tiket berkenaan dibeli dengan China Southern Airlines mula terbang dari Kuala Lumpur, Beijing dan ke Amsterdam.

Tiket pengguna pasport Itali itu akan meneruskan penerbangan ke Copenhagen, manakala pengguna pasport Austria mahu ke Frankfurt, lapor CNN.

Pihak berkuasa berkata mereka sedang menyiasat identiti penumpang yang mempunyai isu dengan pasport mereka.

Boeing 777-200ER, membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal berkemungkinan berpatah balik ke Kuala Lumpur, kata pegawai rasmi tentera Malaysia.

Juruterbang bagaimanapun tidak memberi sebarang isyarat kepada pihak berkuasa beliau berpatah balik.

Empat puluh kapal laut dan 22 pesawat mengadakan pencarian di Laut China Selatan mencari sebarang tanda pesawat MAS berkemungkinan terhempas.

Sekumpulan pasukan pencari multinasional sedang melakukan pencarian berhampiran Thailand, sebahagian Laut China Selatan yang meliputi pelbagai negara Asia Tenggara.

Kawasan tumpuan sekitar 90 batu ke utara Pulau Tho Chu di Vietnam, adalah lokasi sama pegawai Vietnam melaporkan terdapat minyak dalam antara enam hingga tujuh batu.

Kerajaan Malaysia bagaimanapun masih belum mengesahkan penemuan tersebut.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) turut berkata mereka menemui tumpahan minyak 20 batu nautika daripada lokasi terakhir pesawat berkenaan.

Sebuah kapal telah dihantar ke lokasi tersebut untuk mendapatkan sampel untuk dianalisis.

Ketika pencarian masih diteruskan, keluarga penumpang masih menanti berita lanjut berkenaan nasib anggota keluarga mereka.

Antara penumpang yang menaiki pesawat Malaysia Airlines itu adalah 154 rakyat China atau Taiwan, 38 rakyat Malaysia, tiga rakyat Amerika Syarikat. Lima penumpang pesawat itu berusia kurang lima tahun.

Jika kesemua mereka meninggal dunia, ia akan menjadi antara nahas terbesar pesawat sejak 12 November 2001 apabila American Airlines penerbangan 587 terhempas di kawasan kejiranan New York dan mengorbankan kesemua 260 penumpang dan lima lagi di darat.

Kapten Maritim Hamid Mohd Amin, Pengarah Cawangan Operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia yang ditemubual Malaysia Hari Ini Khas, berkata pasukan pencari berkenaan masih lagi mencari di kawasan perairan Malaysia.

"Operasi ini akan kita teruskan pada waktu malam kerana kita mempunyai aset yang mampu membuat carian di waktu malam," katanya.

Pihak berkuasa Malaysia juga sudah berhubung dengan organisasi pembanteras pengganas berkenaan kemungkinan isu pasport, kata Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Beliau bagaimanapun tidak memaklumkan jumlah pasport yang mempunyai isu, dan berkata pihaknya sedang meneliti senarai penumpang pesawat terbabit.

"Kerajaan Amerika Syarikat juga dimaklumkan berkenaan pasport yang dicuri dan sedang meneliti nama penumpang yang meragukan namun tidak menjumpai sebarang salah laku," kata penguatkuasa undang-undang yang enggan didedahkan.

Daripada dua pasport itu, salah satu darinya milik rakyat Itali dilaporkan telah dicuri dan berada dalam data Interpol, Penganalisis Penguatkuasa Undang-Undang CNN, Tom Fuentes berkata memetik sumber Interpol.

Tambahnya, tiada inkuiri dibuat Malaysia Airlines untuk menentukan mana-mana penumpang menggunakan pasport palsu, katanya.

Kebanyakan syarikat penerbangan tidak menyemak pangkalan data berkenaan, katanya. – 9 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/cnn-lapor-penumpang-guna-pasport-curi-beli-tiket-bersama-sama>